

PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN NEGERI PERAK  
KAWASAN KAJIAN :  
RANCANGAN PERKAMPUNGAN  
TERSUSUN SERI MURNI, SERI KERAMAT DAN TOK  
CHENDANG, MUKIM ULU KINTA, DAERAH KINTA

HALIZAH BINTI SIPUN

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana  
(Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN NEGERI PERAK.  
KAWASAN KAJIAN : RANCANGAN PERKAMPUNGAN  
TERSUSUN SERI MURNI, SERI KERAMAT DAN TOK  
CHENDANG, MUKIM ULU KINTA, DAERAH KINTA

HALIZAH BINTI SIPUN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## ABSTRAK

Penempatan semula setinggan sering kali menjadi masalah dalam perancangan membangunkan semula sesuatu kawasan. Kadang kala ia menjadi hambatan di dalam melaksanakan perancangan pembangunan memandangkan banyak aspek yang perlu diperhalusi dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Di Negeri Perak, selepas Kerajaan Negeri menetapkan matlamat mencapai Setinggan Sifar menjelang tahun 2010, empat Jawatankuasa peringkat negeri dan daerah dibentuk bagi merancang, melaksana dan memantau usaha membasmikan setinggan. Pembentukan Jawatankuasa ini pula disokong oleh empat kaedah yang akan membantu mencapai matlamat Program Setinggan Sifar Perak 2010. Kerajaan Negeri Perak telah membuat ketetapan bahawa masalah setinggan di sesuatu kawasan selesai apabila hakmilik telah didaftarkan dan Lesen Pendudukan Sementara telah dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti mekanisme yang ditetapkan bagi mencapai matlamat kerajaan di samping menilai persepsi setinggan ke atas perancangan penempatan semula. Berdasarkan hasil kajian didapati penduduk setinggan ini bersedia untuk ditempatkan semula dengan harapan Kerajaan Negeri akan memenuhi beberapa kehendak mereka pula. Sementelahan pula Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah berhemah serta perihatin terhadap kebajikan mereka dalam melaksanakan program penempatan semula setinggan.

## **ABSTRACT**

Squatter's resettlement always become a big concern and main predicament in any redevelopment programme. These issues at all the time become obstacle in implementing development planning as Government has to reconcile all the issues relating to the squatters. In the State of Perak, the state government announced the target of achieving Zero Squatters in 2010. Government has form four committees in state and district level to plan, implement and monitor the squatter's eradication programmes. The committees formation supported by four other means to achieve the target of Zero Squatters in 2010. The State Government of Perak has fixed the decision that the squatters problem considered solved once the land title registered and the owner been given the Temporarily Occupancy Licence. According to that, the study focused on the mechanisms used by the State Government to eradicate the squatters and to get their perception on government move to relocate them. The findings of the study show that the squatters people are willing to be relocate but they hope that State Government taken into consideration their needs. At the same time, Perak State Government using the apologetics way by putting into the priority the squatter's wellbeing in implementing the resettlement programme.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
<b>HALAMAN JUDUL</b>	
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>DEDIKASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI GAMBARFOTO</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>1. PENDAHULUAN</b>	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Isu dan Masalah	2
1.2.1. Penghalang Pembangunan	3
1.2.2. Keselamatan	4

1.2.3.	Kesihatan	5
1.3.	Matlamat Kajian	6
1.4.	Objektif Kajian	6
1.5.	Skop Kajian	7
1.6.	Kepentingan Kajian	8
1.7.	Metodologi Kajian	9
1.7.1.	Peringkat Pengenalan	9
1.7.2.	Peringkat Pengumpulan Data	10
1.7.3.	Peringkat Analisa Data dan Penemuan	10
1.7.4.	Peringkat Pembentukan Cadangan dan Kesimpulan	10
1.8.	Susun Atur Bab	12
<b>2.</b>	<b>MEKANISME PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN</b>	
2.1.	Pengenalan	15
2.2.	Definisi Setinggalan	16
2.2.1	Takrifan Am	16
2.2.2	Takrifan Undang-undang	17
2.3.	Setinggalan Di Malaysia	18
2.3.1	Setinggalan di Negeri Perak	21
2.4.	Setinggalan Di Luar Negara	22
2.5.	Dasar Setinggalan Sifar	24
2.6.	Kaedah Penyelesaian Penempatan Semula Setinggalan Oleh Kerajaan Persekutuan	26
2.7.	Kaedah Penempatan Semula Setinggalan Oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Dalam Mencapai Matlamat Setinggalan Sifar	27
2.7.1.	Penempatan di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT)	29

2.7.2.	Penempatan di Rancangan Perumahan Kos Rendah	31
2.7.3.	Penempatan di Kawasan Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT)	33
2.7.4.	Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara	34
2.8.	Kesimpulan	36
<b>3.</b>	<b>KAWASAN KAJIAN : RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN SERI MURNI, SERI KERAMAT DAN TOK CHENDANG, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA</b>	
3.1.	Pengenalan	37
3.2.	Maklumat Asas Setinggan	38
3.3.	Kedudukan Kawasan Kajian	39
3.4.	Infrastruktur	40
3.5.	Keluasan	41
3.6.	Bangunan Yang Terdapat Dalam Kawasan Kajian	42
3.7.	Status Tanah	43
3.8.	Tempoh Pendudukan	43
3.9.	Negara / Negeri Asal Setinggan	44
3.10.	Kegiatan Ekonomi	45
3.11.	Kesimpulan	47
<b>4.</b>	<b>ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN</b>	
4.1.	Pengenalan	48
4.2.	Kaedah Pengumpulan Data	48
4.2.1.	Pungutan Data	49
4.2.2.	Temubual	49
4.2.3.	Borang Soal Selidik	51

4.3.	Kaedah Penganalisaan Data	53
4.3.1.	Kaedah Kualitatif	53
4.3.2.	Kaedah Kuantitatif	54
4.4.	Hasil Analisis Kualitatif	54
4.4.1.	Pemuktamadan Data Setinggalan	54
4.4.2.	Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana	56
4.4.2.1.	Jawatankuasa Penyelaras Setinggalan Sifar Perak 2010 Peringkat Negeri	56
4.4.2.2.	Jawatankuasa Kerja Setinggalan Sifar Perak 2010 Peringkat Negeri	58
4.4.2.3.	Jawatankuasa Kerja Setinggalan Sifar Perak 2010 Peringkat Daerah	59
4.4.2.4.	Jawatankuasa Pemilihan Pemaju Setinggalan Sifar Perak	60
4.4.3.	Penekanan Kerajaan Negeri Ke Arah Setinggalan Sifar	62
4.4.4.	Analisa Program Penempatan Semula Setinggalan	64
4.4.4.1.	Pemantauan Ke Atas Pematuhan Perjanjian	65
4.4.4.2.	Kemajuan Kerja	66
4.4.5.	Program Pemindahan Setinggalan	67
4.5.	Hasil Analisis Kuantitatif	67
4.5.1.	Kependudukan Setinggalan	67
4.5.2.	Maklumat Kawasan Kajian	72
4.5.3.	Program Pemindahan	74
4.6.	Rumusan Kajian	78
4.7.	Kesimpulan	78

## 5.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1.	Pengenalan	80
5.2.	Penemuan Kajian	81
5.2.1.	Pencapaian Objektif Pertama	81
5.2.2.	Pencapaian Objektif Kedua	82
5.3.	Cadangan Kajian	84
5.3.1.	Menyegerakan Pelaksanaan Perancangan Penempatan Semula	84
5.3.2.	Pemantauan Yang Lebih Teliti	85
5.3.3.	Pemberian Bantuan Perpindahan	86
5.3.4.	Tabung Pembiayaan Perumahan	87
5.3.5.	Program-program Pemindahan	87
5.4.	Limitasi dan Masalah Kajian	91
5.5.	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.5.1.	Penilaian Semula Dasar Setingan Sifar Negeri Perak	92
5.5.2.	Penilaian Keberkesanan Kaedah-kaedah Pembasmian Kemiskinan	92
5.5.3.	Penilaian Terhadap Kaedah <i>In-situ</i>	93
5.6.	Kesimpulan	93
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	95
	<b>RUJUKAN</b>	100
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1.	Statistik Keluarga Setinggalan Negara Sehingga Jun 2009	25
2.2.	Pelaksanaan Program Perumahan Kos Rendah Di Malaysia, 2004	26
2.3.	Jumlah Keluarga Setinggalan Mengikut Daerah	28
2.4.	Data Kemajuan Program Setinggalan Sifar Perak 2020 (pada 3 November 2008)	31
2.5.	Program Perumahan Awam dan PPR Di Seluruh Negeri Perak	32
2.6.	Cadangan Pembangunan Skim PPRT	34
4.1.	Struktur Jawatankuasa Penyelarasan Setinggalan Sifar	57
4.2.	Struktur Jawatankuasa Kerja Setinggalan Sifar Perak 2010 Peringkat Negeri	58
4.3.	Struktur Jawatankuasa Kerja Setinggalan Sifar Perak 2010 Peringkat Daerah	59
4.4.	Struktur Keanggotaan Jawatankuasa Pemilihan Pemaju Setinggalan Sifar Perak	60
4.5.	Taburan Responden Mengikut Kawasan Kampung	68
4.6.	Maklumat Kawasan Kajian	73

**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1.	Carta Aliran Metodologi Kajian	11
4.1.	Carta Kedudukan Setinggal Mengikut Daerah	55
4.2.	Carta Tatacara Pemilihan Pemaju	61
4.3.	Sebab-sebab Penghijrahan	69
4.4.	Sebab-sebab Menetap Di Perkampungan Setinggal	70
4.5.	Jenis-jenis Pekerjaan Responden	71
4.6.	Pendapatan Responden	72

**SENARAI GAMBARFOTO**

<b>GAMBAR FOTO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1.	Gambar Aerial Kawasan Kampung Seri Murni Dan Kawasan Yang Berhampiran	39
3.2.	Jalan Masuk Ke Kawasan Perkampungan Setinggalan Seri Murni	39
3.3.	Lorong-lorong Di Celah-celah Rumah Kediaman	40
3.4.	Di Antara Rumah Kediaman Yang Terdapat Di Dalam Kawasan Kajian	41
3.5.	Rumah Yang Digunakan Juga Sebagai Kedai Runcit dan Di Hadapan Rumah Didirikan Gerai Menjual Air Minuman	42
3.6.	Peraih Buah-Buahan Yang Bersedia Untuk Menjual Hasil Tanaman Di Pasar Malam	45
3.7.	Bengkel Membaiki Kenderaan Kepunyaan Penduduk Setinggalan	45

## SENARAI SINGKATAN

JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
JPN	Jabatan Perumahan Negara
JPP	Jawatankuasa Pemilihan Pemaju
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PPRT	Program Penempatan Rakyat Termiskin
PSSP	Program Setinggalan Sifar Perak
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
RM	Ringgit Malaysia
RPT	Rancangan Perkampungan Tersusun
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
TOL	Lesen Pendudukan Sementara

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK**

- |   |   |
|---|---|
| A | Pelan Pembangunan Strategik Negeri Perak 2006 – 2015 –<br>Setinggalan Sifar 2010                  |
| B | Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul<br>Ridzuan Bilangan 3/2009                |
| C | Data Kemajuan Program Setinggalan Sifar Perak 2010  |
| D | Workers, Squatters & Land Hunger  |
| E | Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul<br>Ridzuan Bilangan 2 Tahun 2007          |
| F | Setinggalan Sifar : Mendepani Cabaran Demi Keselesaan<br>Rakyat                                   |
| G | Isu Setinggalan Kuala Sepetang : Janji Mungkin Hanya Tinggal<br>Janji                             |
| H | Cabaran Tangani Isu Setinggalan : Wawancara Mingguan<br>Malaysia                                  |
| I | Borang Soal Selidik Untuk Penduduk Kampung Seri Murni /<br>Kampung Keramat / Kampung Tok Chendang |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Permasalahan kewujudan petempatan setinggan merupakan permasalahan setempat terutamanya di negeri-negeri yang telah maju seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Kewujudan setinggan ini pula seakan-akan berangkai dengan isu-isu sosio-ekonomi lain seperti peluang pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemahiran mereka, penempatan semula, kemiskinan, pengagihan rumah kos rendah, bayaran pampasan dan sebagainya.

Kewujudan petempatan setinggan disebabkan beberapa faktor ekonomi dan sosial seperti penghijrahan golongan berpendapatan rendah ke kawasan bandar untuk meraih peluang mencari penghidupan yang lebih baik tetapi gagal mendapatkan perumahan yang berkualiti serta mampu dimiliki atau dibeli oleh mereka. Proses perbandaran juga salah satu elemen yang mendorong kepada petempatan setinggan memandangkan setinggan ini merupakan suatu golongan penduduk yang tertinggal dalam mengejar arus pembangunan dan gagal memperoleh manfaat pembangunan ini pada peringkat minimum.

Ketidakupayaan mereka untuk memiliki rumah yang sesuai dan ideal sebagai keperluan asas disebabkan kekangan keupayaan kewangan serta pelbagai aspek ekonomi yang lain. Golongan setinggan ini duduk di dalam lapisan paling banyak

hierarki masyarakat dan sering dikaitkan dengan imej negatif masyarakat seperti isu kemiskinan, isu keciciran, isu gangsterisme, penagihan dadah serta pelbagai momokan negatif masalah sosial yang lain.

Golongan setinggan ini kadangkala dan boleh dikatakan seringkali menjadi polemik dalam masyarakat dan dikatakan sebagai penghalang kepada pelaksanaan perancangan pembangunan negara kerana sebarang usaha pembangunan di kawasan perkampungan setinggan akan mendapat perhatian media massa serta mereka yang mempunyai kepentingan. Proses pemindahan setinggan ini kadangkala diolah oleh pihak media bagi menarik emosi dan simpati penonton atau pembaca media dengan tujuan tertentu.

Akan tetapi, dari sudut yang lain pula, golongan setinggan ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Mereka bekerja di dalam bidang yang enggan diceburi oleh rakyat biasa yang lain seperti sebagai pencari dan pencuci botol-botol kaca untuk dijual semula, peniaga pasar malam, pekerja di kilang-kilang kecil yang tidak mampu menawarkan gaji yang lumayan serta pelbagai pekerjaan yang memberikan pulangan yang sedikit.

## **1.2. Pernyataan Isu dan Masalah**

Laporan Permasalahan Setinggan Di Malaysia yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada bulan Disember 1997 menyatakan bahawa di seluruh negara terdapat seramai 413,728 orang setinggan manakala di Negeri Perak sahaja terdapat 21,747 orang setinggan atau 5.2% daripada jumlah keseluruhan setinggan di seluruh negara. Menurut Laporan Kajian Pengawalan dan Penempatan Semula Setinggan yang dijalankan oleh kementerian yang sama pada tahun 1999 pula, jumlah penduduk setinggan ini telah bertambah menjadi 540,495 orang atau terdiri dari 121,090 ketua keluarga di seluruh negara. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja terdapat 197 buah perkampungan setinggan yang melibatkan 23,970 rumah setinggan.

Pengwujudan perkampungan setinggan menimbulkan banyak isu dan permasalahan sosio-ekonomi. Di antara isu yang dikaitkan dengan permasalahan dengan pendudukan setinggan ini ialah seperti berikut:-

### **1.2.1. Penghalang Pembangunan**

Petempatan setinggan yang wujud di kawasan yang dirancang untuk dibangunkan sering kali melewati pelaksanaan pembangunan seperti pembinaan lebuhraya, projek-projek mengatasi masalah banjir, pembangunan perumahan dan industri serta infrastruktur serta kemudahan sosial yang lain.

Masalah yang sering berbangkit ialah penempatan semula dan bayaran ganti rugi memandangkan penduduk setinggan ini kebanyakannya telah menetap di sesuatu kawasan tersebut selama berpuluh tahun dan sesetengah daripada mereka, telah menduduki sesuatu perkampungan setinggan sehingga tiga (3) generasi.

Menurut Laporan Permasalahan Setinggan Di Malaysia, setinggan di kawasan Gombak telah membuat pecahan tanah mereka untuk dijadikan lot-lot kecil dan kemudiannya memajakkan lot-lot tersebut kepada pendatang asing yang kemudiannya membina rumah-rumah kediaman. Dilaporkan juga ada di antara perjanjian pajakan yang dibuat memberi kebenaran kepada pendatang-pendatang asing ini untuk menduduki tanah-tanah tersebut sehingga 30 tahun lamanya. Perkara ini mendatangkan masalah kepada Kerajaan Negeri apabila bercadang untuk membangunkan dan menyusun semula kawasan ini.

Suatu yang amat ketara akan berlaku ialah penduduk setinggan ini akan menuntut bayaran pampasan dari kerajaan atau pemaaju yang bercadang memajukan tanah yang mereka duduki. Umpamanya ialah apabila Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL) telah mengarahkan agar setinggan di kawasan setinggan Kampung Limau di Lembah Pantai berpindah, mereka telah mengenakan sepuluh syarat untuk dipatuhi oleh DBKL.

Begitu juga dengan penduduk di perkampungan setinggan di atas tanah milik Lot 698, Bandar Glugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai Kampung Buah Pala, Pulau Pinang yang menjadi suatu isu hangat gara-gara penduduk kampung di kawasan tersebut mendakwa bahawa mereka berhak ke atas tanah yang mereka diduduki selama berpuluh-puluh tahun.

Masalah yang sama juga dihadapi oleh Kerajaan Negeri Perak dalam menangani isu 643 keluarga setinggan di Kuala Sepetang berhampiran Taiping yang melibatkan tuntutan berjumlah RM37 juta. Pertelingkahan melibatkan kawasan seluas 94.5 hektar yang merupakan bekas kawasan landasan keretapi yang menghubungkan Port Weld (kini Kuala Sepetang) dengan bandar Taiping dan tanah tersebut merupakan tanah milik Perbadanan Pengurusan Aset Kereta Api (RAC). Kesannya ia melambatkan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun dan membangunkan semula kawasan tersebut.

### **1.2.2. Keselamatan**

Menurut laporan Majalah Massa dalam terbitannya pada 24-30 Mac 2001, penduduk setinggan Kampung Medan, Kampung Lindungan, Taman Lindungan Jaya, Kampung Penaga, Kampung Gandhi dan Kampung Datuk Harun di sekitar Jalan Kelang Lama hidup dalam keadaan rumah yang sesak dan tanpa kemudahan asas yang lengkap dan bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia. Kedudukan rumah-rumah setinggan yang sesak dipercayai menjadi pencetus wujudnya pelbagai masalah sosiologikal dan psikologikal di kalangan penduduknya. Mereka mudah

mengalami ketegangan dan tekanan walaupun masalah yang melibatkan mereka merupakan masalah yang kecil dan remeh temeh.

Pelbagai insiden sosial dan keselamatan telah terjadi di perkampungan setinggan sebagaimana yang pernah dilaporkan di beberapa akhbar arus perdana beberapa tahun dahulu. Umpamanya insiden pergaduhan di sekitar Jalan Kelang Lama yang mengorbankan lima (5) orang penduduk berbangsa India dan seorang rakyat Indonesia merupakan antara senario risiko yang dihadapi oleh penduduk perkampungan setinggan ini.

Pembinaan rumah-rumah setinggan yang tidak teratur dan penggunaan bahan binaan yang tidak selamat merupakan ancaman kepada nyawa dan harta benda penghuni kawasan setinggan. Menurut Salleh Buang dalam Majalah Massa dalam terbitannya pada 7-13 April 2001, pembinaan rumah-rumah kediaman biasanya menggunakan bahan-bahan yang kurang berkualiti serta kedudukannya yang terlalu rapat di antara satu sama lain memudahkan sebarang bencana seperti kebakaran merebak dengan cepat dan mudah. Kebakaran yang melibatkan perkampungan setinggan ini pernah berlaku pada 10 Januari 1991 di kawasan Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Kebakaran besar ini telah memusnahkan sebahagian besar perkampungan tersebut dengan 40 buah rumah telah musnah terus.

### **1.2.3. Kesihatan**

Limpahan setinggan yang serius juga telah memaksa setinggan membina rumah-rumah “segera” di tepi-tepi sungai dan lereng-lereng bukit atau di mana-mana sahaja tanah lapang yang sesuai didirikan sebuah rumah kediaman. Secara tidak langsung, mereka juga mengabaikan aspek keselamatan, kesihatan serta sivik. Mungkin mereka hanya berhasrat untuk menduduki rumah-rumah tersebut dalam jangka masa singkat tanpa mempedulikan aspek alam sekitar apabila sampah sarap dan bahan kumbahan lain dibuang terus secara langsung ke dalam sungai.

Tindakan mereka secara langsung memberi kesan kerosakan yang amat serius kepada sungai-sungai dan alam sekitar. Keadaan ini pernah dilihat dan berlaku di kawasan perkampungan setinggalan Sungai Ara di Damansara dan beberapa buah lokasi perkampungan setinggalan lain di Negeri Selangor. Ann Abdulah (2001) menggambarkan keadaan yang sesak dan padat ini ibarat daerah Ciliwung yang terdapat di negara jiran.

Pembinaan rumah-rumah yang padat dan sesak tanpa kemudahan asas secara langsung “menyakitkan mata” di samping menyebabkan kawasan-kawasan ini mempunyai risiko kesihatan yang tinggi dan tidak sesuai didiami.

### **1.3. Matlamat Kajian**

Berdasarkan pernyataan isu dan masalah tersebut, suatu kajian perlu dibuat untuk mengenalpasti mekanisme yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam mencapai matlamat Setinggalan Sifar 2010 serta mendapatkan persepsi setinggalan mengenai dasar penempatan semula yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana program dan perancangan yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bermatlamatkan untuk mengenalpasti kaedah dan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi mencapai matlamat Setinggalan Sifar di samping mengenalpasti persepsi setinggalan dalam isu petempatan semula setinggalan di kawasan kajian yang terletak dalam Daerah Kinta.

### **1.4. Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat untuk mencapai objektif-objektif yang ditetapkan seperti berikut:-

- i. Mengenalpasti struktur organisasi pengawalan dan program penempatan semula setinggalan di Negeri Perak; dan
- ii. Mengkaji struktur organisasi penempatan semula setinggalan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dalam penempatan semula setinggalan.

### 1.5. Skop Kajian

Kajian ini menumpukan kepada penilaian terhadap struktur organisasi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam menyelesaikan penempatan kawasan setinggalan berdasarkan perancangan yang telah digariskan di samping menilai keberkesanan program yang telah dilaksanakan. Dalam usaha menempatkan semula setinggalan dan menyusun semula masyarakat, Kerajaan Negeri Perak telah merangka empat (4) bentuk program melalui:-

- Penempatan di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT),
- Penempatan di Rancangan Perumahan Kos Rendah,
- Penempatan di Kawasan Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT); dan
- Mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) ke atas kawasan-kawasan setinggalan yang tidak boleh dikeluarkan hakmilik seperti di atas rizab sungai, rizab yang dikawal dan disenggara oleh agensi-agensi kerajaan dan kawasan penempatan bagan nelayan.

Oleh kerana keempat-empat program tersebut mempunyai skop yang amat luas untuk dibuat kajian, maka fokus diperkecilkan kepada menilai keberkesanan

penempatan setinggan di kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT). Di samping itu, penilaian akan dibuat sama ada struktur organisasi yang dibentuk serta program yang dilaksanakan memenuhi kehendak *stakeholders* yang berkenaan iaitu penduduk setinggan.

Oleh itu, kajian ini adalah berlandaskan data-data yang diperolehi daripada jabatan yang berkaitan serta pengedaran borang soal selidik serta pengamatan di kawasan yang akan dipilih kelak.

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana semenjak Dasar Setinggan Sifar dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Perak, pucuk pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Perak serta sasaran Setinggan Sifar telah bertukar sebanyak tiga (3) kali. Sehubungan dengan itu, perlu dipastikan sama ada dasar yang bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu sosio-ekonomi masyarakat setempat diberi penekanan yang berbeza oleh pemimpin yang berbeza.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Perak melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) telah membuat kajian mendalam dan komprehensif mengenai pelaksanaan Dasar Setinggan Sifar. Empat buah jawatankuasa telah dibentuk bagi memantau, merancang dan menilai keberkesanan perancangan pembasmian semula setinggan ini.

Kajian ini juga penting untuk menilai sama ada jawatankuasa yang ditubuhkan sama ada di peringkat negeri dan daerah itu cukup berkesan untuk menangani masalah penempatan semula setinggan dan isu lain yang berkaitan dengan setinggan terutamanya isu berkenaan dengan penyediaan peluang-peluang ekonomi diberi penekanan yang sama berat dengan isu setinggan itu sendiri atau ia dikesampingkan dan dianggap tidak perlu.

## 1.7. Metodologi Kajian

Metodologi kajian menerangkan kaedah atau pendekatan yang diambil bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan di dalam pernyataan masalah. Kajian ini lebih berbentuk huraian dan penerangan tentang langkah-langkah serta strategi yang dirangka oleh pihak-pihak yang berkaitan. Ini bermakna kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan data hasil dari temubual secara peribadi. Ia merangkumi empat (4) peringkat kerja yang meliputi:-

### 1.7.1. Peringkat Pengenalan

Di peringkat ini, matlamat, objektif dan skop kajian dikenalpasti. Peringkat ini melibatkan pemahaman awalan kajian dan pemahaman ini berkait rapat dengan mengenalpasti kawasan kajian yang paling sesuai dengan tajuk kajian. Bagi kajian yang dijalankan ini, masalah yang dapat dilihat ialah pembentukan jawatankuasa atau mekanisme bagi menggerakkan pencapaian ke arah Setinggalan Sifar Menjelang Tahun 2010. Dalam hal ini, beberapa persoalan ditimbulkan seperti:-

- Apakah fungsi dan peranan setiap jawatankuasa atau mekanisme yang dibentuk ini?
- Apakah jawatankuasa atau mekanisme yang dirangka tersebut telah mencukupi bagi mencapai matlamat setinggalan sifar?
- Apakah tanggapan *stakeholders* terhadap dasar Kerajaan Negeri untuk menempatkan semula setinggalan ini?

### **1.7.2. Peringkat Pengumpulan Data**

Bagi mencapai objektif kajian yang telah dibentuk, maklumat berkaitan kajian perlulah diperolehi dan dikumpul. Maklumat ini boleh diperolehi melalui dua (2) kaedah iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Maklumat primer diperolehi melalui soal selidik, temubual dan pengamatan di tapak yang terpilih. Manakala bagi mendapatkan maklumat sekunder, Laporan Agensi/Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan program setingan akan digunakan.


### **1.7.3. Peringkat Analisis Data dan Penemuan**

Pada peringkat ini, segala maklumat serta data yang bersesuaian untuk digunakan bagi mencapai objektif kedua akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penjelasan secara terperinci mengenai metodologi kajian ini akan diperjelaskan lagi dengan lebih terperinci di dalam Bab 4.

### **1.7.4. Peringkat Pembentukan Cadangan dan Kesimpulan**

Setelah data dan maklumat diproses serta dianalisis, langkah seterusnya ialah membuat rumusan penemuan soal selidik penduduk setingan di kawasan kajian. Di dalam rumusan ini, diterangkan semula isu dan masalah berkaitan di kawasan berkenaan dan penemuan ini akan dijadikan panduan dalam merangka cadangan dan strategi yang lebih menyeluruh dan berkesan untuk kegunaan di peringkat mengawal dan menempatkan semula setingan pada masa hadapan.

Carta aliran pelaksanaan peringkat kajian adalah sebagaimana Rajah 1.1. berikut:-



Rajah 1.1 : Carta Aliran Metodologi Kajian

## 1.8. Susun Atur Bab

Penulisan ini distrukturkan meliputi lima (5) bab utama kajian iaitu:-

### a) Bab 1

Di dalam bab ini, diterangkan mengenai perkara-perkara berikut:-

- Syarat rujukan yang menerangkan mengenai pernyataan isu dan masalah, matlamat serta objektif kajian dan metodologi kajian.
- Di dalam metodologi kajian, diterangkan mengenai proses pengumpulan data primer dan sekunder.

### b) Bab 2

Di dalam bab ini diterangkan mengenai senario setingan secara umum di seluruh dunia, Malaysia dan seterusnya menjurus kepada senario di Negeri Perak. Pendudukan setingan dari sudut perundangan diterangkan secara ringkas dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan akademik yang ada.

Perancangan mengenai Dasar Setingan Sifar di Negeri Perak juga diterangkan yang meliputi pembentukan jawatankuasa dan kaedah-kaedah yang dirangka bagi mencapai matlamat tersebut.

### c) Bab 3

Bab ini menerangkan mengenai kawasan kajian iaitu Kampung Sri Murni, Kampung Sri Keramat dan Kampung Tok Chendang yang terletak di dalam Mukim Kinta, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.

**d) Bab 4**

Bab ini merupakan analisis dan peringkat ini merupakan paling penting dalam kajian ini kerana peringkat ini akan membincangkan dengan terperinci hasil analisis yang didapati dari kajian yang dijalankan di lapangan. Pada peringkat bab ini, aspek-aspek yang akan diketengahkan meliputi perkara-perkara berikut:-

- i. Penganalisan data-data bancian primer dan sekunder yang telah dikumpulkan serta analisis keadaan semasa.
- ii. Membuat ulasan terperinci mengenai isu dan masalah semasa.
- iii. Pemprosesan dan penganalisan maklumat setinggan dengan menggunakan perisian yang dipilih.

**e) Bab 5**

Di dalam bab yang terakhir ini, akan diterangkan mengenai empat (4) aspek berikut iaitu:-

**i. Ringkasan Isu, Masalah dan Penemuan Kajian**

Menerangkan ringkasan isu, masalah dan cadangan tindakan/strategi yang berkaitan untuk mengawal dan membasmi sepenuhnya masalah setinggan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh.

**ii. Cadangan dan Strategi**

Di dalam sub-topik ini akan diterangkan secara terperinci mengenai cadangan dan strategi pengawalan dan pembasmian setinggan di Negeri Perak.

**iii. Kajian Pada Masa Hadapan**

Secara ringkas akan diterangkan cadangan kajian pada masa hadapan yang boleh dilaksanakan oleh para pelajar lain berkaitan permasalahan setinggalan sama ada di dalam Negeri Perak atau di luar Negeri Perak.

**iv. Penutup**

Menerangkan rumusan secara keseluruhan hasil penemuan Kajian Perlaksanaan Dasar Setinggalan Sifar Di Negeri Perak.

## RUJUKAN

### BUKU

Abdul Aziz Hussin, Wan Hazimah Wan Hariri dan Nazri Zakaria (Cetakan Semula Tahun 2007). "Setinggalan – Isu Pengurusan, Undang-undang dan Pembangunan Harta Tanah". Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Che Su Mustaffa, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdul dan Mohamad Sukeri Khalid (2005). "Pembangunan: Implikasi Sosial Dan Fizikal". Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis (2005). "Kinta Valley : Pioneering Malaysia's Modern Development". Perak Academy, Ipoh.

Salleh Buang (2007). "Malaysian Torrens System, Second Edition". Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Salleh Buang (1993). “Undang-undang Tanah Di Malaysia”. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Salleh Buang (2008). “Smart Growth”. Pacifica Publications, Petaling Jaya.

## **PERUNDANGAN**

Warta Kerajaan (1969), Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1969), (Ordinan 1 dan Ordinan 2), Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggalan 1969), Jilid 13, Bil. 20

## **PEKELILING**

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian, Negeri Perak Darul Ridzuan, Bilangan 2 Tahun 2007. “Tatacara Pemilihan Pemaju Bagi Cadangan Pembasmian Setinggalan Di Bawah Program Setinggalan Sifar Perak 2010”.

## **LAPORAN DAN KERTAS KERJA**

Laporan Akhir Pelan Strategik Perak Maju 2015 (2009), Projek Oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak Dengan Perundingan Malaysia Institute of Economic Research

Laporan Permasalahan Setinggalan Di Malaysia (1997), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kertas Kerja (2006) “Program Sifar Setingan Perak 2010”. Majlis Retreat Pelan  
Pembangunan Strategik Negeri Perak.